

'Segera bentang kandungan kotak hitam MH17' - Azwan Bro
Astro Awani
Oktober 17, 2015
Oleh Wan Syamsul Amly

ZWAN BRO: 'Segera bentang kandungan kotak hitam MH17' - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Kerajaan digesa segera membentangkan kepada umum kandungan daripada dua kotak hitam pesawat MH17 yang diserahkan kepada Cawangan Penyiasatan Kemalangan Udara United Kingdom tahun lepas untuk tujuan analisis forensik.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun berkata, ketiadaan sebarang maklumat sejak Julai tahun lepas diibaratkan terlalu lama bagi satu badan antarabangsa mendedahkan hasil siasatan insiden berkenaan.

"Walaupun umum tahu bahawa MH17 ditembak jatuh oleh peluru berpandu, tetapi kandungan kotak hitam perlu didedah untuk mengelak spekulasi.

"Kerajaan tidak pernah mendedahkan kandungan itu. Kita amat berharap kandungan kotak hitam itu mampu memberikan petunjuk lain," katanya ketika menghubungi Astro AWANI di sini hari ini.

Pada Julai tahun lepas, pasukan penyiasat antarabangsa memutuskan untuk menghantar dua kotak hitam daripada pesawat MH17 kepada Cawangan Penyiasatan Kemalangan Udara United Kingdom untuk analisis forensik.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai turut dilaporkan berkata, ia prosedur biasa bagi kotak hitam dihantar ke makmal terdekat yang ditauliahkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa ICAO untuk dianalisis.

Pada tahun lepas, Khairul Azwan [mengetuai demonstrasi yang mahu](#) dalang MH17 dibawa ke makamah selain bertekad akan terus memberi tekanan kepada pihak-pihak berkenaan selagi keadilan terhadap keluarga mangsa nahas penerbangan MH17 tidak ditegakkan.

Tegasnya, dalang di sebalik insiden yang mengorbankan 298 nyawa itu perlu didakwa dan dikenakan hukuman setimpal.

Katanya, penyerahan kotak hitam dan jenazah mangsa tidak memadai kerana keadilan terhadap keluarga mangsa dan anak kapal perlu menjadi keutamaan.

Tiong Lai sebelum ini mengesahkan maklumat dari kotak hitam pesawat MH17 yang terhempas di Ukraine tidak diganggu.

Katanya, pasukan siasatan antarabangsa sedang memperoleh maklumat termasuk rakaman suara dari kokpit selain kandungan data penerbangan yang akan didokumentasi.

Terdahulu, Duta besar Rusia ke Malaysia, Valery N. Yermolov dilaporkan berkata, mereka mempertahankan [tidak terlibat dalam nahas pesawat MH17](#).

Ia susulan laporan akhir Lembaga Keselamatan Belanda (DSB) yang menyebut bahawa pesawat malang itu telah [ditembak jatuh oleh peluru berpandu BUK buatan Rusia](#).

Alasannya, Moscow tidak lagi menggunakan peluru berpandu jenis itu sejak 2011.

© 2015 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/segera-bentang-kandungan-kotak-hitam-mh17-azwan-bro-76722>